



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KATA ALUAN

YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

SEMPENA

SOFT LAUNCH
KERANGKA PELAN TINDAKAN DASAR SOSIAL NEGARA
(PTDSN) 2026 - 2030

4 DISEMBER 2025 (KHAMIS) | BILIK MESYUARAT UTAMA, ARAS 3, BLOK
MP, BANGUNAN PARLIMEN

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

SALUTASI

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri,

Yang Berhormat Menteri-Menteri,

Yang Berhormat Timbalan-Timbalan Menteri,

Yang Berbahagia Dato' Seri-Dato' Seri, Datuk-Datuk,

Rakan-Rakan Media,

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

1. Alhamdulillah, syukur kepada Allah S.W.T. kerana hari ini dapat kita bersama-sama di *Soft Launch* Kerangka Pelan Tindakan Dasar Sosial Negara (PTDSN) 2026 - 2030. Bagi pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah kerana sudi meluangkan masa bagi sesi ini.

2. Saya juga berterima kasih kepada semua para hadirin sekalian atas komitmen dan usaha untuk turut serta selepas Mesyuarat Majlis Sosial Negara (MSN) Bilangan 3 Tahun 2025 ini. Kehadiran anda semua merupakan bukti semangat dan keprihatinan terhadap agenda pembangunan sosial negara kita.

Soft Launch Kerangka Pelan Tindakan DSN 2026 - 2030

3. Menyedari akan kepentingan untuk meningkatkan kesejahteraan sosial, kita mengadakan *soft launch* Kerangka Pelan Tindakan DSN 2026 – 2030, sebagai simbolik komitmen kita dalam memperkukuh kolaborasi antara kementerian, agensi, dan Kerajaan Negeri dalam memacu agenda

pembangunan sosial negara. *Soft launch* ini merupakan langkah strategik untuk memastikan pelaksanaan Pelan Tindakan DSN 2030 berjalan efektif dan memberi manfaat maksimum kepada masyarakat.

4. Saya juga ingin memaklumkan bahawa Memorandum Jemaah Menteri Pelan Tindakan DSN 2026 – 2030 yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 28 November yang lalu, menandakan sokongan rasmi Kerajaan terhadap pelaksanaan DSN 2030.
5. Pelan Tindakan ini mengandungi 18 strategi dan 102 inisiatif,

yang merangkumi pelbagai aspek pembangunan sosial, yang secara tidak langsung memperkukuhkan kesejahteraan kanak-kanak, pemberdayaan wanita, perlindungan warga emas, aksesibiliti untuk Orang Kurang Upaya (OKU), dan memantapkan institusi keluarga. Setiap strategi dan inisiatif ini dirancang dengan teliti untuk memastikan keselarasan antara dasar, pelaksanaan dan impak di lapangan.

KPWKM Mendokong Agenda Pembangunan Negara

6. Pelan Tindakan DSN ini menjadi agenda utama kerajaan dalam memastikan kita dapat membina masyarakat yang inklusif, adil,

dan makmur, berteraskan nilai-nilai murni yang menjamin kesejahteraan dan keharmonian untuk semua rakyat.

7. Pelan Tindakan DSN ini juga adalah manifestasi komitmen kita untuk memastikan setiap rakyat, dari kanak-kanak hingga warga emas, wanita, keluarga, dan individu OKU, mendapat peluang yang adil, sokongan yang bersesuaian, dan persekitaran yang kondusif untuk berkembang. Pelan Tindakan ini juga bukan milik KPWKM semata-mata tetapi ia adalah tanggungjawab bersama setiap kementerian dan agensi untuk memastikan kejayaannya.

8. Setiap kementerian, agensi dan rakan pelaksana memainkan peranan penting dalam menggerakkan Pelan Tindakan ini agar ia benar-benar memberi impak di lapangan. Hanya melalui sinergi dan komitmen bersama barulah kita mampu menangani isu-isu sosial secara menyeluruh dan berkesan.

Hadirin hadirat yang dimuliakan,

PENUTUP

9. Akhir kata, sekali lagi bagi pihak KPWK, saya mengucapkan terima kasih atas sokongan Yang Amat Berhormat dan semua yang hadir pada hari dalam usaha DSN 2030 melalui Pelan

Tindakan DSN 2026 - 2030 untuk membawa kita menuju mencapai matlamat Malaysia MADANI.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah, Assalamualaikum Warah Matullahi

Wabarakatuh.